

Mohd Amirul Kasyful Nur bin Zulkifli

From: Unit Komunikasi Korporat
Sent: Thursday, February 2, 2017 2:26 PM
To: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subject: UUMNGA-AGSSG Bakal Lancar Kad Istimewa AGSSG-UUMNGA Golf Excellent 1



Unit Komunikasi Korporat
CORPORATE COMMUNICATION UNIT
Universiti Utara Malaysia



2 FEBRUARI 2017 / 5 JAMADILAWAL 1438H

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Oleh: UUMNGA

UUMNGA-AGSSG BAKAL LANCAR KAD ISTIMEWA AGSSG-UUMNGA GOLF EXCELLENT 1



UUM ONLINE: Seiring dengan matlamat untuk merakyatkan sukan golf dalam kalangan masyarakat di Malaysia, Universiti Utara Malaysia (UUM) melalui Akademi Golf Nasional UUM (UUMNGA) dengan kerjasama AGSSG Links Sdn Bhd (AGSSG) bakal melancarkan produk terbaru AGSSG iaitu kad istimewa AGSSG - UUMNGA Golf Excellent 1 pada 12 Februari ini.

Produk hasil idea bersama UUMNGA dan AGSSG itu akan membolehkan ahli mendapatkan kadar bayaran pada harga istimewa di lebih 70 kelab golf seluruh negara yang berdaftar dengan AGSSG.

Tawaran kad tersebut adalah terbuka kepada pelajar dan kakitangan Institusi Pengajian Tinggi (IPT) tempatan dalam usaha menarik minat mereka untuk bermain golf, selain merencanakan penglibatan komuniti IPT dalam melestari dan membangunkan sukan golf negara.

AGSSG merupakan syarikat hasil gabungan SSG Links Sdn Bhd (SSG) and Advantage Golfing Solution Sdn Bhd (AGS) yang memfokuskan kepada penawaran pakej kadar istimewa golf yang berpatutan di kelab-kelab golf dalam dan luar negara dengan menggunakan 'golf privilege card' kepada peminat sukan golf tempatan.

Maklumat lanjut berkaitan kad tersebut boleh hubungi Akademi Golf Nasional UUM di talian 04-928 3594.

DARIPADA:

**UNIT KOMUNIKASI KORPORAT
UNIVERSITI UTARA MALAYSIA**

04-928 3048/3049/3052/3061

04-928 3053

ukkuum@uum.edu.my

Universiti Utara Malaysia (Official FB)



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.